

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

**KOSMO, Malaysia**

13 Jun 2013, by No author available

Business & Finance, page 55 - 139.00 cm²

Malaysia - Malay Newspapers - circulation 188,982 (MTWTF)

ID 198858570

PAGE 1 of 1

MSM tingkatkan pengeluaran gula

KUALA LUMPUR – MSM Malaysia Holdings Bhd. (MSM) berhasrat untuk meningkatkan pengeluaran gula sebanyak 36 peratus kepada 1.5 juta tan setahun menjelang 2016 berbanding pengeluaran 1.1 juta setahun buat masa ini.

Pertumbuhan tersebut akan membolehkan syarikat pengeluar gula utama negara itu bertindak secara lebih agresif di pasaran eksport, seterusnya berkembang menjadi peneraju dalam industri pengeluaran gula di Asia.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Chua Say Sin berkata, pihaknya memperuntukkan sejumlah RM220 juta daripada RM413.8 juta yang dijana dari pada tawaran awam permulaannya (IPO) pada tahun 2011 untuk aktiviti pertumbuhan dalaman.

"Seiring dengan peningkatan pengeluaran, kapasiti penyimpanan gula kami akan ditingkatkan

kepada 37,000 tan berbanding 27,000 tan buat masa ini.

"Kami berhasrat untuk meningkatkan jumlah eksport kepada 20 peratus daripada keseluruhan pengeluaran kami menjelang akhir tahun ini, berbanding 15 peratus pada tahun 2012

"Usaha ini mampu menampung sebarang impak sekiranya terdapat pengurangan subsidi gula oleh kerajaan," katanya pada sidang akbar selepas mesyuarat agung tahunan MSM di sini semalam.

Turut hadir ialah Pengurus MSM, Tan Sri Sabri Ahmad dan Ketua Pegawai Kewangan MSM, Raja Faridah Raja Ahmad.

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012, MSM merekodkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM285 juta dengan perolehan berjumlah RM2.301 bilion.

MSM mengumumkan pembayaran dividen akhir sebanyak 11 sen setiap saham yang membawa jumlah RM77.3 juta yang akan

dibayar pada 28 Jun ini.

Ia menjadikan jumlah dividen yang dibayar bagi tahun kewangan 2012 sebanyak RM133.5 juta dengan 19 sen sesaham yang mana dividen interim sebanyak lapan sen sesaham berjumlah

RM56.2 juta telah dibayar pada 28 Disember 2012.

Sementara itu, Sabri menjelaskan, MSM memiliki kedudukan kukuh dalam pasaran domestik dengan penguasaan sekurang-kurangnya 57 peratus daripada pasaran dan kini mencari peluang untuk meningkatkan kedudukannya di pasaran global.

"Produk kami kini berada di 28 buah negara dan MSM sedang mencari peluang untuk meneroka pasaran-pasaran baharu dengan fokus di rantau Asia Pasifik.

"Antara negara yang dilihat memiliki pasaran menarik ialah Myanmar dan Vietnam yang memiliki jumlah penduduk yang ramai," katanya.